

Pendapatan TDM tertinggi

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
ekonomiutusan@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: TDM Berhad, syarikat milik penuh kerajaan negeri yang memfokuskan perniagaan segmen perladangan dan kesihatan, merekodkan pendapatan sebanyak RM614.16 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 lalu.

Jumlah itu adalah tertinggi yang pernah direkodkan oleh syarikat tersebut sejak 1995.

TDM dalam satu kenyataan memaklumkan, jumlah itu adalah peningkatan sebanyak 20 peratus daripada RM511.6 juta yang diperolehi pada 2021.

"Bahagian perladangan menyumbang pendapatan sebanyak RM335.4 juta iaitu peningkatan 17 peratus daripada RM287.3 juta pada tahun sebelumnya.

"Pendapatan daripada bahagian penjagaan kesihatan pula meningkat sebanyak 24 peratus kepada paras tertinggi sepanjang masa iaitu RM278.7 juta daripada RM224.2 juta pada 2021," menurut kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, walaupun berlaku penurunan pendapatan sebanyak lima peratus bagi suku keempat 2022, ia tidak menjejaskan perolehan pendapatan TDM Berhad secara keseluruhan.

"Pendapatan untuk suku



TDM Berhad yang ditubuhkan pada 1965 adalah salah satu sekuriti patuh syariah yang disenaraikan di pasaran utama Bursa Malaysia.

keempat 2022 ialah sebanyak RM157.7 juta, menurun daripada RM165.6 juta pada suku keempat 2021.

"Bahagian perladangan merekodkan pendapatan sebanyak RM78.5 juta yang menyusut sebanyak 24 peratus daripada RM103.7 juta yang diperolehi pada suku keempat tahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, kemerosotan itu telah diimbangi dengan pertumbuhan hasil bahagian

penjagaan kesihatan sebanyak 28 peratus yang berjumlah RM79.3 juta berbanding RM61.9 juta sebelumnya," kata kenyataan itu.

TDM yang ditubuhkan pada 1965 adalah sekuriti patuh syariah yang disenaraikan di pasaran utama Bursa Malaysia dengan perniagaan teras di sektor perladangan kelapa sawit dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Bahagian perladangan iaitu TDM Plantation Sdn. Bhd. me-

nguruskan 15 ladang kelapa sawit, tiga kilang minyak serta loji biogas terletak di Terengganu dan Indonesia.

Di bawah Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI Healthcare) pula, TDM memiliki lima hospital pakar yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan iaitu di Petaling Jaya, Selangor; Kuantan, Pahang; Kuala Terengganu, Terengganu; Taman Desa, Kuala Lumpur dan di Tawau, Sabah.

Moist Diane fokus pertingkat kelestarian alam sekitar

PETALING JAYA: Jenama Moist Diane kini memberi fokus meningkatkan komitmen kelestarian mereka dengan mempromosikan amalan kesedaran alam sekitar dalam industri yang diceburi.

Penolong Pengurus Jenama Pemasaran Jenama Dipelbagaikan, Mandom (M) Sdn. Bhd. Ang Pei Shen berkata, usaha itu akan melibatkan aspek pengurangan pelepasan karbon, pengeluaran bahan yang lestari, inovasi dalam pembungkusan serta pengurangan sisa.

Katanya, setakat ini kajian dan pembangunan telah dibuat secara menyeluruh dan berjaya menghasilkan dua produk yang memenuhi aspek penjagaan alam sekitar.

"Formulasi produk keluaran Moist Diane tidak melibatkan ujian terhadap binatang dan setiap botol yang digunakan dihasilkan daripada 96 peratus barangan kitar semula.

"Kita mahu memastikan ia dapat memberikan nilai untuk semua pihak berkepentingan yang terlibat termasuk pengguna, pekerja dan masyarakat setempat," katanya dalam satu kenyataan.

Antara produk yang dikeluarkan di Jepun setakat ini termasuk Be-True dan Botanical Body Soap (Botanical) yang boleh didapati di seluruh negara dengan pembuatan bahan semula jadi.

Terdapat di dua varian yang berjaya dihasilkan iaitu haruman salad hijau dan haruman sayur-sayuran segar bersesuaian untuk kulit badan yang kering ataupun kulit normal.

Untuk Botanical pula menawarkan empat varian iaitu *refresh & smooth*, *protect soap*, *refresh & moist* dan *deep moist*.

ZUS Coffee sasar buka 200 cawangan baharu

PETALING JAYA: Jenama kopi tempatan, ZUS Coffee merancang untuk membuka sebanyak 200 cawangan baharu di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Buat masa ini, ZUS Coffee telah mempunyai 190 cawangan fizikal dan pengembangan tersebut bakal menjadikan jumlah keseluruhan kepada 380 cawangan.

Cawangan baharu ini akan menjadikan ZUS Coffee sebuah jenama yang tersedia di setiap negeri di Malaysia termasuk stesen minyak terpilih dan lapangan terbang di seluruh negara.

Ketua Pegawai Operasi, Venon Tian berkata, ZUS Coffee dilancarkan dengan cita-cita menjadikan kopi istimewa mampu milik dan boleh diakses oleh semua.

"Tahun ini akan menyaksikan kami menggandakan lagi jumlah cawangan selepas dua tahun berturut-turut berjaya



ZUS Coffee ketika ini mempunyai 190 cawangan di seluruh negara.

melakukannya.

"Bagi kami, kopi bukanlah suatu kemewahan sebaliknya satu keperluan. Cawangan baharu kami akan memudahkan semua untuk mengaksesnya," katanya dalam kenyataan.

Di samping cita-citanya untuk menyampaikan kopi istimewa mampu milik kepada semua rakyat Malaysia, pengembangan juga memacu salah satu prinsip teras ZUS Coffee iaitu mewujudkan lebih banyak peluang peker-

jaan untuk rakyat Malaysia.

Pada 2022, ZUS Coffee mencipta sebanyak 1,500 pekerjaan untuk rakyat Malaysia, ditambah dengan pelancaran Akademi ZUS Coffee di Tropicana Gardens Mall yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan mengembangkan bakat muda.

Menurut beliau, sebagai jenama tempatan, mewujudkan pekerjaan untuk rakyat Malaysia sentiasa menjadi keutamaan syarikat.

"Kami mahu melakukan bahagian kami untuk memperkayakan kehidupan seramai mungkin rakyat Malaysia sama ada melalui kopi atau kerjaya," ujarnya.

Sebagai tambahan kepada rancangan pengembangan, ZUS Coffee juga mengumumkan perkongsian eksklusif dengan platform penghantaran makanan, foodpanda, berkuat kuasa bulan ini.